



Awang (dua dari kiri) melawat gerai pameran selepas Majlis Pemeteraian MoU antara UniSZA dan DBP di Dewan Perdana UniSZA, Gong Badak.

UniSZA guna kepakaran DBP

» *Bahagian penerbitan, ahli akademik disaran rebut peluang bukukan hasil kepakaran*

Oleh Faizul Azlan Razak
open@bh.com.my

Kuala Nerus

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menjalin kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) membabitkan beberapa bidang terutama dalam usaha memperhebatkan penerbitan buku.

Naib Canselor UniSZA, Prof

Datuk Dr Yahaya Ibrahim, berka-ta pihaknya mahu mendapatkan kepakaran daripada DBP kerana sejak tiga tahun lalu UniSZA hanya menerbitkan buku secara bersendirian.

Beliau berharap bahagian penerbitan dan ahli akademik UniSZA merebut peluang kepakaran yang

dimiliki DBP dengan memperbaikkan penerbitan buku.

“Pada tahun ini saja, kita menerbitkan lebih 35 tajuk buku berbanding 21 tajuk pada tahun lalu dan menunjukkan satu peningkatan yang ketara.

“Sehubungan itu, kita harap komitmen penerbit untuk mener-



Yahaya (berdiri dua dari kanan) memberi penerangan berkaitan buku hasil karyanya kepada Awang (tengah) selepas Majlis Pemeteraian MoU antara UniSZA dan DBP, baru-baru ini

[FOTO SYAHIRAH ABDULLAH/ BH]

bitkan buku, selain jalinan kerjasama dengan DBP yang membolehkan lebih banyak buku dapat dihasilkan pada masa depan,” katanya.

Perkongsian maklumat

Beliau berkata demikian selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) UniSZA dengan DBP serta Pelancaran Buku *Tourism Development & Community Change* di Dewan Perdana, UniSZA, Kampus Gong Badak, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr Awang Sariyan; Pengarah Penerbit UniSZA, Prof Dr Kamarul Shukri Mat Teh; Ketua Bahagian Pengeluaran dan Penyelarasan Penerbitan DBP, Kamis Mohamad dan Pengarah DBP Wilayah Timur, Che Zainab Omar.

Mengulas lanjut, Yahaya berkata, selain penerbitan, beberapa bidang seperti penyelidikan, perundungan, pengembangan, promosi dan perkongsian maklumat akan memberi impak untuk kebaikan kepada DBP serta UniSZA bagi jangka panjang.

Katanya, UniSZA juga mahu membantu negara ini mencapai taraf negara maju pada tahun 2020, terutama dalam usaha mengurangkan jurang ilmu antara pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

Pada tahun ini saja, UniSZA menerbitkan lebih 35 tajuk buku berbanding 21 tajuk pada tahun lalu dan menunjukkan satu peningkatan yang ketara”

**Dr Yahaya Ibrahim,
Naib Canselor UniSZA**